



GARIS PANDUAN MENGENAI DUTI SETEM KE ATAS SURATCARA PINDAH MILIK SAHAM BAGI SAHAM DALAM SYARIKAT YANG TIDAK TERSENARAI DI BURSA MALAYSIA BERHAD(GARIS PANDUAN 2020)

1. PENGENALAN

Garis panduan ini adalah untuk menggantikan/membatalkan Garis Panduan Mengenai Duti Setem Ke Atas Suratcara Pindah Milik Saham Bagi Saham Yang Tidak Tersenarai Di Bursa Malaysia Berhad ("**Garis Panduan 2019**") yang telah dikeluarkan pada 6 November 2019.

2. PERUNDANGAN

2.1 Suratcara pindahmilik saham, syer atau sekuriti yang dipasarkan adalah dikenakan duti di bawah butiran 32(b) Jadual Pertama Akta Setem 1949 seperti berikut :

"On sale of any stock, shares or marketable securities, to be computed on the price or value thereof on the date of transfer, whichever is the greater –

For every RM1,000 or fractional

part of RM1,000

RM3.00*

*Kadar ini berkuatkuasa mulai daripada 1 Januari 2001.

2.2 Bagi syer-syer yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia Berhad, asas untuk menentukan nilai syer adalah ditetapkan di perenggan 4.

3. KAEDAH-KAEDAH SEDIA ADA

3.1 Kaedah-kaedah penilaian saham yang digunakan di dalam Garis Panduan 2001 adalah seperti berikut :

KATEGORI	NILAI SAHAM DIKENAKAN DUTI SETEM
Jualan saham yang memerlukan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti ("SC")	Harga atau nilai yang diluluskan oleh SC
Syarikat yang mengalami kerugian	Yang mana lebih tinggi : i. Nilai Par/Nilai Nominal ; atau ii. Aset Ketara Bersih (Net Tangible Asset – "NTA") ; atau iii. balasan
Syarikat yang memperoleh keuntungan	Yang mana lebih tinggi ; i. NTA ; atau ii. Nisbah Harga Perolehan (Price Earning Ratio – "PER") ; atau iii. balasan

3.2 Bagi syarikat yang baru ditubuhkan atau syarikat yang tidak aktif (*dormant company*), nilai saham dikenakan duti setem ditentukan melalui kaedah Nilai Par.

4. PINDAAN

4.1 Pindaan ke atas kaedah-kaedah Garis Panduan 2001 adalah bersesuaian dengan keadaan semasa dan juga berdasarkan kes undang-undang yang berkaitan.

4.2 Penggunaan Nilai Par dikeluarkan daripada kaedah pengiraan berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Pemungut Duti Setem, Pulau Pinang v. Malaysia Smelting Corporation Bhd* [2012] 5 CLJ 273 bertarikh 9 Februari 2012. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Nilai Par bukan nilai sebenar saham pada tarikh pindah milik tetapi ia adalah nilai saham pada tarikh pertama kalinya saham tersebut diterbitkan.

4.3 *PER* juga dimansuhkan kerana nisbah yang digunakan dalam Garis Panduan 2001 adalah berdasarkan nisbah yang ditetapkan oleh *Capital Issue Committee*

("CIC") dalam jangka masa yang agak lama. C/C telah digantikan dengan SC dan SC tidak menetapkan sebarang nisbah yang perlu dirujuk oleh sebarang industri atau perniagaan.

4.4 Kaedah-kaedah yang masih dikekalkan penggunaannya bersesuaian dengan keadaan semasa adalah:

- i. **NTA; atau**
- ii. **balasan(*consideration*)**

4.5 NTA

- Formula pengiraan berasaskan NTA ;

NTA

= Jumlah Aset – Aset Tidak Ketara (*Intangible Asset*) – Jumlah Liabiliti

NTA sesaham

$$= \frac{\text{NTA}}{\text{Jumlah Saham Diterbitkan}}$$

5. CADANGAN KAEDAH YANG AKAN DIGUNAPAKAI MULAI 1 MAC 2020

KATEGORI	NILAI SAHAM DIKENAKAN DUTI SETEM
Jualan saham yang memerlukan kelulusan SC	Harga atau nilai yang diluluskan oleh SC
Syarikat mengalami kerugian	Yang mana lebih tinggi : i. NTA; atau ii. balasan
Syarikat memperolehi keuntungan	Yang mana lebih tinggi :

	<ul style="list-style-type: none"> i. NTA; atau ii. balasan
Syarikat baru ditubuhkan	Balasan
Syarikat tidak aktif : <ul style="list-style-type: none"> • <i>dormant companies</i> • <i>zero-revenue companies</i> • <i>threshold-qualified companies</i> 	Balasan

6. LAPORAN AKAUN BERAUDIT SYARIKAT

6.1 Laporan akaun beraudit syarikat perlu dikemukakan bersama Borang Pemindahmilikan Sekuriti (*Form of Transfer of Securities*) di bawah Seksyen 105 Akta Syarikat 2016 semasa permohonan adjudikasi.

6.2 Pengemukaan laporan akaun beraudit syarikat adalah diperuntukkan di dalam Akta Syarikat 2016. Menurut *Practice Directive No.3/2017 (Qualifying Criteria for Audit Exemption for Certain Categories of Private Companies)* oleh SSM, pengecualian pengemukaan laporan akaun beraudit hanya diberikan kepada 3 kategori syarikat Sdn Bhd iaitu :

- i. *Dormant companies;*
- ii. *Zero-revenue companies; atau*
- iii. *Threshold-qualified companies.*

7. PENDAFTARAN PINDAHMILIK SAHAM

7.1 Menurut Seksyen 102 Akta Syarikat 2016, Setiausaha Syarikat bertanggungjawab untuk menyimpan butir penerbitan dan pindahmilik saham dalam daftar anggota.

8. CONTOH KES

Contoh 1

KOSMOS SDN BHD adalah merupakan syarikat pelaburan dan perhotelan. Akaun beraudit syarikat berakhir pada 30 Jun 2017 dan maklumat adalah seperti berikut :

Jumlah saham diterbitkan dan berbayar	- 40,000,000 unit
Bilangan saham biasa dipindah milik	- 28,000,000 unit
Balasan	- RM 39,690,907

	Note	2017 RM
NON-CURRENT ASSET		
Property, plant and equipment	11	<u>131,127,234</u>
CURRENT ASSETS		
Inventories	13	467,489
Trade and other receivables	14	2,196,547
Amount due from intermediate holding company	15	143
Amounts due from related companies	15	11,457
Prepayments		187,451
Tax recoverable		4,359
Cash and bank balances	16	<u>7,779,278</u>
		<u>10,646,724</u>
TOTAL ASSETS		141,773,958
EQUITY AND LIABILITIES		
Equity attributable to owners of the parent		
Share capital	17	40,000,000
Cumulative redeemable preference shares	19	68,594,000
Accumulated losses		<u>(4,745,831)</u>
TOTAL EQUITY		103,848,169
NON-CURRENT LIABILITIES		
Deferred tax	18	-
Amount due to a related company	15	<u>29,955,299</u>
		<u>29,955,299</u>
CURRENT LIABILITIES		
Trade and other payables	21	4,191,596
Amounts due to related companies	15	3,778,894
Loans and borrowings	20	-
		<u>7,970,490</u>
TOTAL LIABILITIES		37,925,789
TOTAL EQUITY AND LIABILITIES		141,773,958

17. SHARE CAPITAL

	GROUP/COMPANY			
	Number of ordinary shares		Amount	
	2017	2016	2017 RM	2016 RM
Authorised:				
At the beginning/end of financial year	-*	50,000,000	-*	50,000,000
Issued and fully paid:				
At the beginning/end of financial year	40,000,000	40,000,000	40,000,000	40,000,000

Pengiraan nilai sesaham berdasarkan :

A) NTA

$$\begin{aligned}
 &= \text{Jumlah Aset} - \text{Aset Tidak Ketara} - \text{Jumlah Liabiliti} \\
 &= \text{RM } 141,773,958 - (0) - \text{RM } 37,925,789 \\
 &= \text{RM } 103,848,169
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{NTA sesaham} &= \frac{\text{NTA}}{\text{Jumlah Saham Diterbitkan}} \\
 &= \frac{\text{RM } 103,848,169}{40,000,000 \text{ unit}} \\
 &= \text{RM } 2.5962 \\
 \text{Nilai saham dipindah milik} &= \text{RM } 2.5962 \times 28,000,000 \text{ unit} \\
 &= \text{RM } 72,693,600.00
 \end{aligned}$$

B) Balasan = RM 39,690,907

Berdasarkan nilai NTA dan harga balasan, nilai saham mengikut NTA adalah lebih tinggi. Oleh itu, duti dikira berdasarkan NTA, RM 72,693,600.00. Mengikut butiran 32(b) Jadual Pertama Akta Setem 1949, setiap RM1,000.00 atau sebahagian pecahan RM1,000.00 dikenakan duti setem berjumlah RM3.00, maka RM72,693,600 akan menjadi RM72,694,000.

$$\begin{aligned} \text{Duti setem kena dibayar} &= \frac{\text{RM 72,694,000.00}}{\text{RM 1,000}} \times \text{RM 3} \\ &= \text{RM 218,082.00} \end{aligned}$$

Contoh 2

One IFC SDN BHD adalah merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan. Akaun beraudit syarikat berakhir pada 31 Mac 2018 dan maklumat adalah seperti berikut :

Jumlah saham diterbitkan dan berbayar	- 240,000,000 unit
Bilangan saham keutamaan dipindah milik	- 72,000,000 unit
Balasan	- RM 112,582,080

	Note	2018 RM	Group 2017 RM
ASSETS			
Non-current Assets			
Property, plant and equipment	5	377,790,114	388,378,899
Intangible asset	6	291,807	389,076
Investments in subsidiaries	7	-	-
		<u>378,081,921</u>	<u>388,767,975</u>
Current Assets			
Property development costs	8	154,516,508	160,413,912
Inventories	9	1,477,578	1,318,224
Trade and other receivables	10	40,177,891	33,022,305
Prepayments		1,101,784	228,712
Tax recoverable		11,713,701	7,717,926
Short term deposits	11	36,380,014	41,701,954
Cash and bank balances		5,830,514	1,061,360
		<u>251,197,990</u>	<u>245,464,393</u>
TOTAL ASSETS		629,279,911	634,232,368
EQUITY AND LIABILITIES			
Equity attributable to owners of the Company			
Share capital	12	10,000,000	10,000,000
Redeemable convertible preference shares	13	240,000,000	240,000,000
(Accumulated losses)/retained earnings	14	(27,206,443)	(14,206,734)
Total Equity		<u>222,793,557</u>	<u>235,793,266</u>
Non-current Liabilities			
Bank borrowings	15	210,582,000	232,486,817
Deferred tax liabilities	16	106,472	74,384
		<u>210,688,472</u>	<u>232,561,201</u>
Current Liabilities			
Trade and other payables	17	159,303,131	151,324,750
Tax payable		38,144	1,361
Bank borrowings	15	36,456,607	14,551,790
		<u>195,797,882</u>	<u>165,877,901</u>
TOTAL LIABILITIES		406,486,354	398,439,102
TOTAL EQUITY AND LIABILITIES		<u>629,279,911</u>	<u>634,232,368</u>

13. REDEEMABLE CONVERTIBLE PREFERENCE SHARES ("RCPS")

	2018		Group and Company 2017	
	Number of Shares Unit	Amount RM	Number of Shares Unit	Amount RM
RCPS Issued and fully paid up				
At beginning/end of the financial year	240,000,000	240,000,000	240,000,000	240,000,000

Pengiraan nilai sesaham berdasarkan :

A) NTA

$$\begin{aligned}
 &= \text{Jumlah Aset} - \text{Aset Tidak Ketara} - \text{Jumlah Liabiliti} \\
 &= \text{RM } 629,279,911 - 291,807 - \text{RM } 406,486,354 \\
 &= \text{RM } 222,501,750
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{NTA sesaham} &= \frac{\text{NTA}}{\text{Jumlah Saham Diterbitkan}} \\
 &= \frac{\text{RM } 222,501,750}{240,000,000 \text{ unit}} \\
 &= \text{RM } 0.9270
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Nilai saham dipindah milik} &= \text{RM } 0.9270 \times 72,000,000 \text{ unit} \\
 &= \text{RM } 66,744,000.00
 \end{aligned}$$

B) Balasan = RM 112,582,080

Berdasarkan perbandingan NTA dan harga balasan, nilai saham mengikut balasan adalah lebih tinggi. Oleh itu, duti dikira berdasarkan balasan RM 112,582,080 di mana setiap RM1,000.00 atau sebahagian pecahan RM1,000.00 dikenakan duti setem berjumlah RM3.00 mengikut butiran 32(b) Jadual Pertama Akta Setem 1949. Maka, RM 112,582,080 akan menjadi RM 112,583,000.

$$\begin{aligned}
 \text{Duti setem kena dibayar} &= \frac{\text{RM 112,583,000}}{\text{RM 1,000}} \times \text{RM 3} \\
 &= \text{RM 337,749.00}
 \end{aligned}$$

Contoh 3

Situasi di mana jumlah saham sesebuah syarikat dipecah bahagi (*subdivided*) bertujuan untuk menambah bilangan saham dan secara langsung menurunkan nilai nominal saham tersebut. Pecah bahagian saham (*subdivision of shares*) ini hanya melibatkan penambahan bilangan unit saham dan tidak mengubah apa-apa maklumat di dalam akaun beraudit syarikat seperti modal saham. Kebiasaannya situasi ini berlaku di luar tempoh akaun beraudit syarikat.

Syarikat ABC Sdn Bhd adalah merupakan syarikat rekabina. Akaun beraudit syarikat berakhir pada 30 Jun 2018 dan maklumat adalah seperti berikut :

Jumlah saham diterbitkan dan berbayar	- 100 unit
Bilangan saham biasa dipindah milik	- 20 unit
Balasan	- RM 1,350

	Note	30.6.2018 RM	30.6.2017 RM (Restated)	1.7.2016 RM (Restated)
ASSETS				
NON-CURRENT ASSETS				
Equipment	5	67,041	100,929	138,180
Deferred tax assets	6	16,000	99,000	1,258
		<u>83,041</u>	<u>199,929</u>	<u>139,438</u>
CURRENT ASSETS				
Inventories	7	-	260,282	-
Trade receivables	8	1,394,204	425,914	208,866
Other receivables, deposits and prepayments	9	212,272	16,099	21,300
Amount owing by directors	10	-	57,823	-
Current tax assets		-	-	498
Bank balances		382,226	8,174	46,712
		<u>1,988,702</u>	<u>768,292</u>	<u>277,376</u>
TOTAL ASSETS		2,071,743	968,221	416,814
EQUITY AND LIABILITIES				
EQUITY				
Share capital	11	100	100	100
Retained profit/(Accumulated losses)		645,209	(214,129)	(171,904)
TOTAL EQUITY		645,309	(214,029)	(171,804)
NON-CURRENT LIABILITY				
Other payables and accruals	12	135,501	154,001	154,001
CURRENT LIABILITIES				
Trade payables	13	142,127	118,612	825
Other payables and accruals	12	850,418	830,408	371,395
Amount owing to directors	10	15,655	-	62,397
Current tax liabilities		282,733	79,229	-
		<u>1,290,933</u>	<u>1,028,249</u>	<u>434,617</u>
TOTAL LIABILITIES		1,426,434	1,182,250	588,618
TOTAL EQUITY AND LIABILITIES		2,071,743	968,221	416,814

11. SHARE CAPITAL

	30.6.2018	30.6.2017	1.7.2016
Authorised			
Ordinary shares of RM1 each - Number of shares	N/A	N/A	25,000,000
Ordinary shares of RM1 each - RM	N/A	N/A	25,000,000
<i>N/A Not applicable pursuant to Companies Act 2016 which came into operation on 31 January 2017 as disclosed in item (b) below.</i>			
Issued and Fully Paid-Up			
Ordinary shares with no par value (1.7.2016 - Par Value of RM1 each) - Number of shares	100	100	100
Ordinary shares with no par value (1.7.2016 - Par Value of RM1 each) - RM	100	100	100

Pada 27 November 2018, syarikat telah meminda modal saham melalui Resolusi Khas menurut Seksyen 84 Akta Syarikat 2016 :

COMPANIES ACT 2016
Section 84
NOTICE OF ALTERATION OF SHARE CAPITAL

Date of resolution : **27 NOV 2018**
Details of alteration : **SPECIAL RESOLUTION**

▪ **PROPOSED SHARE SPLIT INVOLVING THE SUBDIVISION OF EVERY 1 EXISTING ORDINARY SHARE IN THE COMPANY INTO 100 ORDINARY SHARES IN THE COMPANY ("PROPOSED SHARE SPLIT")**

"THAT approval be and is hereby given to the Board of Directors of the Company ("Board") to subdivide every 1 existing ordinary share in the Company held by the Members of the Company, whose names appear in the Register of Members of the Company on **27 NOV 2018**, into 100 ordinary shares ("Split Shares").

THAT the existing issued share capital of the Company is RM100.00 comprising 100 ordinary shares, and upon completion of the Proposed Share Split, the resultant issued share capital of the Company will be RM100.00 comprising 10,000 ordinary shares, and the shareholdings of the existing members of the Company will be as follows:-

Merujuk kepada *Notice of Alteration of Share Capital* di atas, modal saham biasa syarikat telah dipecah bahagi seperti berikut :

Jumlah saham asal	- 100 unit
Nisbah Pemecahan saham	- 1 unit dipecah bahagi kepada 100 unit saham
Jumlah saham sebenar (selepas dipecah bahagi)	- 10,000 unit saham (100 unit asal X 100 unit dipecah bahagi)
Nilai nominal sesaham	- RM 1.00 diturunkan kepada RM 0.01 (RM 1.00 ÷ 100 unit)

Pengiraan nilai sesaham berdasarkan :

A) NTA

$$\begin{aligned} &= \text{Jumlah Aset} - \text{Aset Tidak Ketara} - \text{Jumlah Liabiliti} \\ &= \text{RM } 2,071,743 - (0) - \text{RM } 1,426,434 \\ &= \text{RM } 645,309 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Nilai saham dipindah milik} &= \frac{\text{RM } 645,309}{10,000 \text{ unit}} \\ &= \text{RM } 64.5309 \times 20 \text{ unit} \\ &= \text{RM } 1,290.62 \end{aligned}$$

B) Balasan = RM 1,350.00

Berdasarkan nilai NTA dan harga balasan, nilai saham mengikut harga balasan adalah lebih tinggi. Oleh itu, duti dikira berdasarkan harga balasan, RM 1,350.00. Mengikut butiran 32(b) Jadual Pertama Akta Setem 1949, setiap RM1,000.00 atau sebahagian pecahan RM1,000.00 dikenakan duti setem berjumlah RM3.00, maka RM1,350.00 akan menjadi RM2,000.00.

$$\begin{aligned} \text{Duti setem kena dibayar} &= \frac{\text{RM } 2,000.00}{\text{RM } 1,000} \times \text{RM } 3 \\ &= \text{RM } 6.00 \end{aligned}$$

7. PEMBATALAN

Garis Panduan 2019 adalah dibatalkan berkuat kuasa mulai dari 1 Mac 2020 dan digantikan dengan Garis Panduan Mengenai Duti Setem ke atas Suratcara Pindahmilik Saham Bagi Saham dalam Syarikat yang Tidak Tersenarai di Bursa Malaysia Berhad (**Garis Panduan 2020**).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

s.k. LHDN.01/35/(S)/42/68/4